



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN 2024

USAGE OF ICT AND E-COMMERCE BY ESTABLISHMENT 2024

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah berjaya menduduki kedudukan teratas di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
Emel / <i>Email</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general enquiries</i>)
		data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ <i>data request & enquiries</i>)
Harga / <i>Price</i>	:	RM70.00

Diterbitkan pada Julai 2025/ *Published in July 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2637-1413

KATA PENGANTAR

Penerbitan ini memaparkan statistik utama Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan daripada Survei E-dagang Tahunan 2024 bagi tahun rujukan 2023 mengikut sektor ekonomi. Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan meliputi semua industri dalam sektor ekonomi di Malaysia yang dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4*, 2008. Statistik yang diterbitkan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *The OECD Model Survey on ICT Usage by Businesses (2nd Revision)*, 2022 yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Penerbitan ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan sorotan statistik utama bagi keseluruhan statistik Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan diikuti bahagian kedua yang menerangkan ringkasan penemuan. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi jadual statistik terperinci dan bahagian seterusnya adalah berkaitan penerangan aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep dan definisi serta penjelasan berkaitan pembolehubah utama. Statistik ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan pertubuhan untuk ICT dan e-dagang.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh responden dan juga semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2025

PREFACE

This publication presents principal statistics on the Usage of ICT and E-Commerce by Establishment, which is the result of Annual Survey of E-commerce 2024 for the reference year 2023 by economic sector. The Usage of ICT and E-Commerce by Establishment encompasses all economic sectors in Malaysia classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4, 2008. The statistics published in this publication are based on concepts and guidelines from The OECD Model Survey on ICT Usage by Businesses (2nd Revision), 2022, published by the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

This publication consists of four main parts. The first part displays the main highlight of statistics for the overall Usage of ICT and E-Commerce by Establishment, followed by the second part, which contains summaries of findings. Meanwhile, the third part provides detailed statistical tables, while the following part covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions, and explanations of key variables. These statistics can be used by government agencies, economists, academics, the private sector, and individuals for planning and policy formulation, economic analysis, forecasting, and can assist in business development planning, particularly in the areas of ICT and e-commerce.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the co-operation of the respondents as well as all parties who have contributed directly and indirectly to make this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

July 2025

KANDUNGAN | CONTENTS

	Muka Surat Page
Kata Pengantar <i>Preface</i>	i
Kandungan <i>Contents</i>	iii
Penemuan Utama <i>Main Findings</i>	3
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	9
Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	41

Senarai Jadual Statistik
List of Statistical Tables

JADUAL: PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN		
TABLE: USAGE OF ICT AND E-COMMERCE BY ESTABLISHMENT		
1	Penggunaan Komputer, Internet dan Web Presence mengikut Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023 <i>Usage of Computer, Internet and Web Presence by Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	41
2	Jenis Web Presence yang Dimiliki mengikut Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023 <i>Type of Web Presence Owned by Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	43
3	Jenis Rangkaian Komputer yang Digunakan mengikut Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023 <i>Type of Computer Network Infrastructure Used by Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	45
4	Jenis Capaian Internet mengikut Sektor/ Subsektor, 2022 dan 2023 <i>Type of Internet Access by Sector/ Sub-sector, 2022 and 2023</i>	47
5	Tujuan Penggunaan Internet mengikut Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023 <i>Purpose of Internet Usage by Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	49
6	Penggunaan Teknologi Digital mengikut Sektor/ Subsektor, 2022 dan 2023 <i>Usage of Digital Technology by Sector/ Sub-sector, 2022 and 2023</i>	55
7	Pendapatan dan Perbelanjaan E-Dagang mengikut Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023 <i>Income and Expenditure of E-Commerce by Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	57

KANDUNGAN | CONTENTS

	Muka Surat Page
8 Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran dan Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023	59
<i>Income of E-Commerce by Type of Market and Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	
9 Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan dan Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023	61
<i>Income of E-Commerce by Type of Customer and Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	
10 Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran dan Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023	63
<i>Expenditure of E-Commerce by Type of Market and Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	
11 Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan dan Sektor/ Subsektor, 2015, 2022 dan 2023	65
<i>Expenditure of E-Commerce by Type of Customer and Sector/ Sub-sector, 2015, 2022 and 2023</i>	
12 Pendapatan E-Dagang Suku Tahunan, Q1 2020 - Q1 2025	67
<i>Quarterly Income of E-Commerce, Q1 2020 - Q1 2025</i>	
13 Nota Teknikal	71
<i>Technical Notes</i>	

1



PENEMUAN UTAMA

Main Findings



PENGUNAAN ICT
DAN E-DAGANG
PERTUBUHAN 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

PENEMUAN UTAMA

PENGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN 2024

PENGUNAAN ICT



Komputer
2023: 96.6%
2022: 95.9%



Internet
2023: 94.0%
2022: 93.3%



Web Presence
2023: 72.7%
2022: 71.4%

JENIS CAPAIAN INTERNET



Jalur Lebar Tetap
2023: 93.0%
2022: 92.3%



Jalur Lebar Mudah Alih
2023: 78.8%
2022: 77.9%



Jalur Lebar Tetap & Jalur Lebar Mudah Alih
2023: 75.0%
2022: 72.9%

INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER



INTRANET
2023: 52.0%
2022: 49.8%



EXTRANET
2023: 25.7%
2022: 24.0%



LAN
2023: 76.9%
2022: 75.8%



WLAN
2023: 71.1%
2022: 69.5%



WAN
2023: 88.9%
2022: 88.0%



LAIN-LAIN
2023: 7.5%
2022: 5.0%

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN E-DAGANG

Pendapatan 2023: RM1,184.1b | YoY: 5.1%
2022: RM1,126.9b

Tempatan
2023: RM1,053.0b YoY: 4.9%
2022: RM1,003.5b

Antarabangsa
2023: RM131.1b YoY: 6.3%
2022: RM123.4b



Perbelanjaan 2023: RM571.4b | YoY: 7.5%
2022: RM531.6b

Tempatan
2023: RM530.6b YoY: 7.4%
2022: RM494.2b

Antarabangsa
2023: RM40.8b YoY: 8.9%
2022: RM37.5b

B2B 2023: RM817.1b YoY: 3.9%
2022: RM786.5b

B2C 2023: RM336.6b YoY: 7.7%
2022: RM312.6b

B2G 2023: RM30.4b YoY: 9.3%
2022: RM27.8b

B2B 2023: RM443.4b YoY: 2.6%
2022: RM432.2b

B2C 2023: RM112.6b YoY: 28.1%
2022: RM87.9b


B2G 2023: RM15.4b YoY: 33.6%
2022: RM11.5b

PENDAPATAN E-DAGANG SUKU TAHUNAN



Pendapatan E-Dagang 2023

RM1,184.1 bilion



ST1 2023 ST2 2023 ST3 2023 ST4 2023

QoQ : 1.6% -3.8% 3.2% 0.8%
YoY : 10.4% 2.5% 5.4% 1.7%

ST1 2024 ST2 2024 ST3 2024 ST4 2024

QoQ : 0.5% 3.1% -0.6% 0.8%
YoY : 0.5% 7.8% 3.8% 3.7%

ST1 2025 QoQ: 0.1%
YoY : 3.4%

Nota: b - Bilion
ST - Suku tahun

QoQ - Perubahan peratusan suu tahun ke suu tahun
YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

Sumber: Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia

MAIN FINDINGS

USAGE OF ICT AND E-COMMERCE BY ESTABLISHMENT 2024

USAGE OF ICT



Computer

2023: 96.6%
2022: 95.9%



Internet

2023: 94.0%
2022: 93.3%



Web Presence

2023: 72.7%
2022: 71.4%

TYPES OF INTERNET ACCESS



Fixed Broadband

2023: 93.0%
2022: 92.3%



Mobile Broadband

2023: 78.8%
2022: 77.9%



Fixed Broadband & Mobile Broadband

2023: 75.0%
2022: 72.9%

COMPUTER NETWORK INFRASTRUCTURE



INTRANET

2023: 52.0%
2022: 49.8%



EXTRANET

2023: 25.7%
2022: 24.0%



LAN

2023: 76.9%
2022: 75.8%



WLAN

2023: 71.1%
2022: 69.5%



WAN

2023: 88.9%
2022: 88.0%



OTHERS

2023: 7.5%
2022: 5.0%

INCOME AND EXPENDITURE OF E-COMMERCE

Income

2023: RM1,184.1b
2022: RM1,126.9b

YoY:
5.1%

Domestic

2023: RM1,053.0b YoY:
2022: RM1,003.5b 4.9%

International

2023: RM131.1b YoY:
2022: RM123.4b 6.3%

B2B

2023: RM817.1b
2022: RM786.5b
YoY: 3.9%

B2C

2023: RM336.6b
2022: RM312.6b
YoY: 7.7%

B2G

2023: RM30.4b
2022: RM27.8b
YoY: 9.3%

Expenditure

2023: RM571.4b
2022: RM531.6b

YoY:
7.5%

Domestic

2023: RM530.6b YoY:
2022: RM494.2b 7.4%

International

2023: RM40.8b YoY:
2022: RM37.5b 8.9%

B2B

2023: RM443.4b
2022: RM432.2b
YoY: 2.6%

B2C

2023: RM112.6b
2022: RM87.9b
YoY: 28.1%

B2G


2023: RM15.4b
2022: RM11.5b
YoY: 33.6%

QUARTERLY E-COMMERCE INCOME



Income of E-commerce 2023

RM1,184.1 billion



	Q1 2023	Q2 2023	Q3 2023	Q4 2023
QoQ :	1.6%	-3.8%	3.2%	0.8%
YoY :	10.4%	2.5%	5.4%	1.7%
	Q1 2024	Q2 2024	Q3 2024	Q4 2024
QoQ :	0.5%	3.1%	-0.6%	0.8%
YoY :	0.5%	7.8%	3.8%	3.7%
	Q1 2025	QoQ: 0.1%		
		YoY : 3.4%		

Note: b - Billion
Q - Quarter

QoQ - Percentage change quarter-on-quarter
YoY - Percentage change year-on-year

Source: Usage of ICT and E-Commerce by Establishment 2024
Department of Statistics Malaysia



2



RINGKASAN PENEMUAN

Summary of Findings



PENGUNAAN ICT
DAN E-DAGANG
PERTUBUHAN 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

RINGKASAN PENEMUAN

PENGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN


1. PENGENALAN

Laporan Penggunaan ICT dan E-Dagang (ICTEC) 2024 memaparkan statistik berkaitan penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan di Malaysia berdasarkan tahun rujukan 2023. Penerbitan ini merangkumi lima sektor utama ekonomi termasuk Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan.

2. PENGUNAAN ICT

Sebanyak 96.6 peratus pertubuhan menggunakan komputer seperti komputer peribadi, komputer riba dan *tablet* menunjukkan perubahan mata peratus sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2023 berbanding 95.9 peratus pada tahun 2022. Perkembangan positif turut dapat dilihat dalam penggunaan internet, di mana 94.0 peratus pertubuhan telah menggunakan capaian internet, berbanding 93.3 peratus pada tahun sebelumnya. Perubahan ini sejajar dengan usaha kerajaan dalam memperluas capaian digital di dalam negara. Selain itu, peningkatan ketara juga direkodkan bagi pertubuhan yang mempunyai *web presence*, dengan 72.7 peratus berbanding 71.4 peratus pada tahun 2022, seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 1**.

Rajah 1: Peratus Penggunaan Komputer, Internet dan Web Presence, 2022 dan 2023




2.1 PENGGUNAAN ICT MENGIKUT SEKTOR

Rajah 2 menunjukkan penggunaan komputer, internet dan *web presence* mengikut sektor pada tahun 2022 dan 2023. Sektor Pembinaan menjadi peneraju utama dengan mencatatkan kadar penggunaan komputer tertinggi iaitu 97.1 peratus berbanding 96.8 peratus pada tahun 2022. Sektor ini juga mendahului dalam penggunaan internet iaitu 96.0 peratus, meningkat daripada 95.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan nilai tertinggi dalam penggunaan *web presence* dengan 76.0 peratus pada tahun 2023, meningkat berbanding 74.4 peratus pada tahun 2022. Perkembangan ini mencerminkan usaha berterusan pemilik industri dalam mengadaptasi teknologi digital bagi meningkatkan daya saing pertubuhan mereka.


Rajah 2: Peratus Penggunaan Komputer, Internet dan Web Presence mengikut Sektor, 2022 dan 2023



3. JENIS PEMILIKAN *WEB PRESENCE* MENGIKUT SEKTOR

Rajah 3 memperincikan jenis pemilikan *web presence* yang digunakan oleh pertubuhan mengikut sektor. Sektor Pembuatan mencatatkan peratusan tertinggi bagi penggunaan laman web kepunyaan sendiri, iaitu sebanyak 72.6 peratus. Sementara itu, sektor Perlombongan & Pengkuarian menunjukkan penggunaan tertinggi bagi laman web di entiti lain, dengan mencatatkan 41.1 peratus. Bagi sektor Pertanian, media sosial mempunyai pemilikan *web presence* dengan peratusan tertinggi iaitu 87.8 peratus. Dalam masa yang sama, sektor Perkhidmatan mencatatkan penggunaan e-pasaran yang tertinggi dengan nilai 49.6 peratus pada tahun 2023 daripada 43.9 peratus pada tahun 2022.

Rajah 3: Jenis Pemilikan *Web Presence* mengikut Sektor, 2022 dan 2023




4. INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER

Penggunaan infastruktur rangkaian komputer pada tahun 2023 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Penggunaan rangkaian Kawasan Luas (WAN) mencatatkan 88.9 peratus, meningkat daripada 88.0 peratus pada tahun 2022. Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN) mencatatkan 76.9 peratus, meningkat sedikit daripada 75.8 peratus pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan Rangkaian Kawasan Tempatan Tanpa Wayar (WLAN) yang meningkat kepada 71.1 peratus berbanding 69.5 peratus pada 2022.

Intranet kekal relevan dengan penggunaan sebanyak 52.0 peratus pada tahun 2023, meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 49.8 peratus, manakala Extranet turut mencatatkan peningkatan sebanyak 25.7 peratus pada tahun 2023 daripada 24.0 peratus pada tahun 2022. Statistik dalam **Rajah 4** memaparkan peningkatan jenis penggunaan infrastruktur rangkaian komputer bagi tahun 2022 dan 2023.

Rajah 4: Jenis Penggunaan Infrastruktur Rangkaian Komputer, 2022 dan 2023




Nofa. “-” merujuk kepada data tidak tersedia

4.1 INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER MENGIKUT SEKTOR

Sektor Pembuatan mencatatkan kadar tertinggi dalam penggunaan teknologi rangkaian bagi Intranet iaitu 77.2 peratus, Extranet dengan nilai 58.9 peratus dan LAN sebanyak 91.2 peratus pada **Rajah 5**. Sektor Perkhidmatan merekodkan kadar penggunaan WAN dan WLAN tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 92.3 peratus dan 72.5 peratus. Ini menunjukkan keperluan yang semakin meningkat terhadap infrastruktur rangkaian berskala besar bagi menyokong perkhidmatan digital dan meningkatkan interaksi pelanggan. Bagi kategori infrastruktur Lain-lain, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan penggunaan tertinggi sebanyak 26.2 peratus merangkumi Rangkaian Kawasan Metropolitan (MAN), Rangkaian Kawasan Storan (SAN) dan Rangkaian Kawasan Peribadi (PAN), yang masing-masing mempunyai tujuan jaringan yang berbeza berdasarkan peranan dan kapasiti.


Rajah 5: Jenis Penggunaan Infrastruktur Rangkaian Komputer mengikut Sektor, 2022 dan 2023



5. JENIS CAPAIAN INTERNET

Pada tahun 2023, sebanyak 93.0 peratus pertubuhan menggunakan jalur lebar tetap, menunjukkan peningkatan berbanding 92.3 peratus pada tahun 2022. Penggunaan jalur lebar mudah alih turut meningkat kepada 78.8 peratus daripada 77.9 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi kedua-dua jenis jalur lebar tetap dan mudah alih mencatatkan 75.0 peratus pada tahun 2023, meningkat daripada 72.9 peratus pada tahun 2022. Perubahan dalam jenis capaian internet ini menggambarkan peningkatan berterusan dalam penggunaan sambungan internet yang lebih fleksibel dan menyeluruh, seperti yang digambarkan dalam **Rajah 6**.

Rajah 6: Jenis Capaian Internet, 2022 dan 2023




5.1 JENIS CAPAIAN INTERNET MENGIKUT SEKTOR

Rajah 7 menunjukkan jenis capaian internet mengikut sektor pada tahun 2022 dan 2023. Sektor Pembinaan mencatatkan penggunaan jalur lebar tetap tertinggi pada 2023 dengan mencapai 99.6 peratus, meningkat daripada 99.5 peratus pada tahun 2022. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan 97.2 peratus daripada 96.4 peratus tahun sebelumnya.

Bagi jalur lebar mudah alih, sektor Pembuatan mencatatkan kadar tertinggi pada tahun 2023 iaitu 80.9 peratus meningkat daripada 75.8 peratus pada tahun 2022. Sektor Perkhidmatan mencatatkan 79.1 peratus berbanding 78.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Sektor Pembuatan mencatatkan nilai tertinggi dengan 79.0 peratus berbanding 72.1 peratus pada tahun sebelumnya bagi penggunaan jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 74.9 peratus pada tahun 2023 daripada tahun sebelumnya 2022, dengan nilai 74.1 peratus.

Rajah 7: Jenis Capaian Internet mengikut Sektor, 2022 dan 2023



6. TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET

Penggunaan internet oleh pertubuhan mengikut tujuan pada tahun 2022 dan 2023 dicatatkan pada **Rajah 8**. Tujuan utama penggunaan internet adalah untuk menghantar atau menerima e-mel, mencatatkan 96.3 peratus pada tahun 2023 meningkat daripada 95.7 peratus pada tahun 2022. Penggunaan bagi perbankan melalui internet mencatat 91.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 90.2 peratus pada tahun sebelumnya, menunjukkan penerimaan meluas terhadap transaksi kewangan digital.

Rajah 8: Tujuan Penggunaan Internet oleh Pertubuhan, 2022 dan 2023


TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET		2022	2023
Menghantar atau menerima e-mel		95.7%	96.3%
Perbankan melalui internet		90.2%	91.4%
Mendapatkan maklumat berkenaan barangan atau perkhidmatan		81.6%	82.4%
Menghantar informasi atau pesanan dengan segera		81.2%	81.9%
Telefon melalui internet		75.1%	76.3%
Mendapatkan maklumat daripada organisasi kerajaan		68.6%	69.3%
Berhubung dengan organisasi kerajaan		63.2%	63.8%
Pemberitahuan jawatan kosong dalaman atau luaran		53.1%	53.9%
Penyediaan perkhidmatan pelanggan		46.8%	47.9%
Mengakses perkhidmatan kewangan yang lain		42.3%	43.9%
Penghantaran produk secara atas talian		36.8%	37.8%
Latihan untuk kakitangan (aplikasi e-pembelajaran)		24.2%	25.0%
Lain-lain		11.6%	12.4%

7. PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL

Rajah 9 menunjukkan penggunaan teknologi digital oleh pertubuhan pada tahun 2022 dan 2023. Internet mudah alih dan teknologi mencatatkan penggunaan teknologi digital tertinggi iaitu 73.6 peratus meningkat daripada 72.4 peratus pada tahun sebelumnya. Media sosial turut menunjukkan peningkatan dengan 70.6 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 yang merekodkan 70.2 peratus. Pengkomputeran awam meningkat dengan kadar penggunaan sebanyak 59.8 peratus berbanding 58.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Penggunaan laman web mencatatkan peningkatan 56.2 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 54.7 peratus, manakala perisian pengurusan mencapai peningkatan dengan 51.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 50.7 peratus pada tahun 2022.

Rajah 9: Penggunaan Teknologi Digital, 2022 dan 2023




8. PENDAPATAN E-DAGANG

8.1 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT SEKTOR

Nilai pendapatan transaksi e-dagang terus mencatatkan pertumbuhan positif dengan nilai RM1,184.1 bilion pada tahun 2023 berbanding RM1,126.9 bilion pada tahun 2022, dengan perubahan peratusan tahun ke tahun (YoY) yang meningkat sebanyak 5.1 peratus. Sektor Pembuatan merekodkan RM587.3 bilion, meningkat sebanyak 4.6 peratus berbanding tahun 2022. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan yang mencatatkan peningkatan RM583.0 bilion pada tahun 2023 daripada RM552.7 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 10**.

Rajah 10: Pendapatan E-Dagang, 2022 dan 2023




Nota.

YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

8.2 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PASARAN

Pendapatan daripada transaksi e-dagang di Malaysia didominasi oleh pasaran tempatan yang mencatatkan peningkatan jumlah sebanyak RM1,053.0 bilion pada tahun 2023, berbanding RM1,003.5 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan positif 4.9 peratus. Seterusnya, pasaran antarabangsa menyumbang RM131.1 bilion meningkat daripada RM123.4 bilion pada tahun 2022 mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus. Dalam pasaran tempatan, sektor Pembuatan menjadi peneraju utama dengan pendapatan mencecah RM543.3 bilion merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus. Sementara itu, sektor Perkhidmatan menyumbang pendapatan tertinggi iaitu RM84.9 bilion dengan 5.4 peratus berbanding tahun 2022 bagi pasaran antarabangsa seperti di dalam **Rajah 11**.

Rajah 11: Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran, 2022 dan 2023



Nota. (%) - Peratus sumbangan


YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

8.3 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PELANGGAN

Jumlah pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan bagi kategori *Business to Business* (B2B) kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah RM817.1 bilion, dengan kenaikan peratus perubahan tahunan sebanyak 3.9 peratus. Sementara itu, *Business to Consumer* (B2C) mencatat pendapatan berjumlah RM336.6 bilion mencapai kenaikan 7.7 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Bagi kategori *Business to Government* (B2G) menunjukkan peningkatan sebanyak RM30.4 bilion dengan pertumbuhan 9.3 peratus berbanding pada tahun 2022.

Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang tertinggi bagi B2B dengan pendapatan sebanyak RM540.7 bilion, menunjukkan pertumbuhan positif 2.7 peratus berbanding tahun 2022. Sementara itu, sektor Perkhidmatan mendominasi B2C dan B2G iaitu masing-masing mencatatkan RM297.1 bilion dengan pertumbuhan 4.7 peratus dan RM22.7 bilion merekodkan pertumbuhan positif, 6.4 peratus bagi tahun 2023 seperti di **Rajah 12**.

Rajah 12: Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan, 2022 dan 2023



Nota. “-” merujuk kepada data tidak tersedia


YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

9. PERBELANJAAN E-DAGANG

9.1 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT SEKTOR

Pada tahun 2023, perbelanjaan melalui transaksi e-dagang di Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak RM571.4 bilion, berbanding RM531.6 bilion pada tahun 2022, dengan perubahan peratusan tahun ke tahun sebanyak 7.5 peratus. Sektor Pembuatan mencatatkan perbelanjaan e-dagang tertinggi dengan nilai RM371.8 bilion pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 sebanyak RM347.6 bilion dengan pertumbuhan 7.0 peratus. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan perbelanjaan berjumlah RM194.1 bilion berbanding tahun sebelumnya RM179.2 bilion dengan pertumbuhan tahunan 8.4 peratus seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13.

Rajah 13: Perbelanjaan E-Dagang, 2022 dan 2023




Nota.

YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

9.2 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PASARAN

Perbelanjaan e-dagang di Malaysia didominasi oleh pasaran tempatan yang mencatatkan jumlah sebanyak RM530.6 bilion pada tahun 2023 berbanding RM494.2 bilion tahun 2022, menunjukkan pertumbuhan tahunan sebanyak 7.4 peratus. Sementara itu, pasaran antarabangsa menyumbang RM40.8 bilion meningkat berbanding RM37.5 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 8.9 peratus. Dalam pasaran tempatan, sektor Pembuatan muncul sebagai penyumbang utama dengan perbelanjaan sebanyak RM347.9 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus berbanding tahun 2022 iaitu RM326.5 bilion. Bagi pasaran antarabangsa, sektor Pembuatan masih kekal sebagai pemacu utama dengan perbelanjaan sebanyak RM23.9 bilion berbanding RM21.1 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 13.1 peratus seperti di dalam **Rajah 14**.

Rajah 14: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran, 2022 dan 2023



Nota.


(%) - Peratus sumbangan

YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

9.3 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PELANGGAN

Pada tahun 2023, perbelanjaan e-dagang mengikut jenis pelanggan telah mencatatkan kategori B2B kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah RM443.4 bilion, menunjukkan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.6 peratus. Bagi kategori B2C merekodkan RM112.6 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 28.1 peratus manakala kategori B2G menyumbang RM15.4 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 33.6 peratus. Bagi kategori B2B, sektor Pembuatan kekal menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan e-dagang dengan jumlah RM303.9 bilion dengan pertumbuhan tahunan 2.3 peratus. Seterusnya, sektor Pembuatan juga mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM60.5 billion bagi kategori B2C, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 33.7 peratus. Manakala kategori B2G, sektor Perkhidmatan mendominasi sebanyak RM7.7 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 27.0 peratus seperti di dalam **Rajah 15**.

Rajah 15: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan, 2022 dan 2023



Nota. “-” merujuk kepada data tidak tersedia

YoY - Perubahan peratusan tahun ke tahun

SUMMARY OF FINDINGS

USAGE OF ICT AND E-COMMERCE BY ESTABLISHMENT


1. INTRODUCTION

Usage of ICT and E-Commerce (ICTEC) by Establishment 2024 publication highlights the statistics on Usage of ICT and E-Commerce in Malaysia based on the reference year 2023. This publication encompasses five key economic sectors which include Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services.

2. USAGE OF ICT

*There were 96.6 per cent of establishments in 2023 used computers including personal computers, laptops and tablets, indicating a 0.7 per cent point change increase compared to 95.9 per cent in 2022. A similar improvement was seen in usage of internet, with 94.0 per cent of establishments have internet access, compared to 93.3 per cent from a year before. These change were inline with government efforts to improve digital access across the country. Additionally, a significant increase was recorded in establishments with web presence, which rose to 72.7 per cent from 71.4 per cent in 2022, as illustrated in **Figure 1**.*

Figure 1: Usage of Computer, Internet and Web Presence, 2022 and 2023




2.1 USAGE OF ICT BY SECTOR

Figure 2 illustrates the usage of computer, internet, and web presence by sector in year 2022 and 2023. The Construction sector recorded the highest rate of computer usage with 97.1 per cent, rose from 96.8 per cent in 2022. This sector also led in internet usage at 96.0 per cent, which increased from 95.7 per cent from previous year.

Meanwhile, the Manufacturing sector reported the highest web presence with 76.0 per cent in 2023, rising from 74.4 per cent in 2022. This growth reflects industry owners' sustained efforts to adopt digital technologies, enhancing their establishments' competitiveness.


Figure 2: Percentage Usage of Computer, Internet and Web Presence by Sector, 2022 and 2023



3. TYPES OF WEB PRESENCE OWNERSHIP BY SECTOR

Figure 3 details the types of web presence owned by establishments according to sectors. Manufacturing sector led the highest usage of owned websites at 72.6 per cent. In contrast, Mining & quarrying sector showed the highest reliance on websites hosted by other entities, registering 41.1 per cent. Agriculture sector registered the highest preference for social media as their primary web presence with 87.8 per cent. Concurrently, Services sector exhibited growth in e-marketplace usage, which rose to 49.6 per cent in year 2023 compared to 43.9 per cent in year 2022.

Figure 3 : Types of Web Presence Ownership by Sector, 2022 and 2023




4. COMPUTER NETWORK INFRASTRUCTURE

The adoption of computer network infrastructure showed an increase in 2023 compared to the previous year. Usage of Wide Area Network (WAN) reported at 88.9 per cent, up from 88.0 per cent in 2022. Local Area Network (LAN) usage maintained at 76.9 per cent, marking a slight rise from 75.8 per cent. Similarly, Wireless Local Area Network (WLAN) usage grew to 71.1 per cent from 69.5 per cent in 2022.

Intranet usage stayed at maintain relevance at 52.0 per cent in 2023 increased from 49.8 per cent compare to previous year, while Extranet recorded a modest growth to 25.7 per cent in 2023 from 24.0 per cent in 2022. As illustrated in **Figure 4**, these statistics highlight the increase in the types of computer network infrastructure usage in 2022 and 2023.

Figure 4: Types of Computer Network Infrastructure Usage, 2022 and 2023




Note.

“-” refers to data not available

4.1 COMPUTER NETWORK INFRASTRUCTURE BY SECTOR

Manufacturing sector recorded the highest adoption rates of network technologies, with Intranet usage at 77.2 per cent, Extranet at 58.9 per cent, and LAN at 91.2 per cent in **Figure 5**. Services sector recorded the highest usage of WAN and WLAN with 92.3 per cent and 72.5 per cent, respectively. This indicates a growing need for large-scale network infrastructure to support digital services and enhanced customer interactions. Meanwhile, Mining & quarrying sector reported the highest usage of other network infrastructure types with 26.2 per cent includes the Metropolitan Area Network (MAN), Storage Area Network (SAN), and Personal Area Network (PAN), each serving different connectivity purposes based on their specific roles and capacities.


Figure 5: Types of Computer Network Infrastructure Usage by Sector, 2022 and 2023



5. TYPES OF INTERNET ACCESS

In 2023, a total of 93.0 per cent of establishments used fixed broadband, shows an increase from 92.3 per cent in 2022. Mobile broadband usage also rose to 78.8 per cent, up from 77.9 per cent a year before. Meanwhile, the use of both fixed and mobile broadband connections grow to 75.0 per cent in year 2023, compared to 72.9 per cent in year 2022. The shift in types of internet access reflects a continued increase in the use of more flexible and comprehensive internet connectivity, as illustrated in **Figure 6**.

Figure 6: Types of Internet Access, 2022 and 2023




5.1 TYPES OF INTERNET ACCESS BY SECTOR

Figure 7 shows the internet access types by sector for 2022 and 2023. Construction sector recorded the highest fixed broadband usage in 2023, achieving 99.6 per cent, an increase from 99.5 per cent in 2022. Agriculture sector also experienced growth, rising to 97.2 per cent from 96.4 per cent the previous year.

For mobile broadband, Manufacturing sector led with 80.9 per cent in 2023, increased from 75.8 per cent in 2022. Services sector recorded 79.1 per cent, with a slight rise from 78.3 per cent from the preceding year.

Manufacturing sector registered the highest value at 79.0 per cent, up from 72.1 per cent in previous year for the usage of both types broadband. Furthermore, the Construction sector reported an increased at 74.9 per cent, from 74.1 per cent compared to the previous year.

Figure 7: Types of Internet Access by Sector, 2022 and 2023



6. PURPOSE OF INTERNET USAGE

Internet usage by establishments according to purpose in 2022 and 2023 illustrated in **Figure 8**. The primary purpose of internet usage among establishments in 2023 was to send or receive emails, recorded at 96.3 per cent, up from 95.7 per cent in 2022. Internet banking usage also increased to 91.4 per cent in 2023 compared to 90.2 per cent in the previous year, indicating broader acceptance of digital financial transactions.

Figure 8: Purpose of Internet Usage by Establishments, 2022 and 2023


PURPOSE OF INTERNET USAGE		2022	2023
Sending or receiving e-mail		95.7%	96.3%
Internet banking		90.2%	91.4%
Getting information about goods or services		81.6%	82.4%
Posting information or instant messaging		81.2%	81.9%
Telephoning over the internet		75.1%	76.3%
Getting information from government organisations		68.6%	69.3%
Interacting with government organisations		63.2%	63.8%
Internal or external job recruitment		53.1%	53.9%
Providing customer services		46.8%	47.9%
Accessing other financial services		42.3%	43.9%
Delivering products online		36.8%	37.8%
Staff training (e-learning application)		24.2%	25.0%
Others		11.6%	12.4%

7. USAGE OF DIGITAL TECHNOLOGY

Figure 9 shows the usage of digital technologies by establishments in 2022 dan 2023. Mobile internet and technology remained the most adopted digital solution in 2023, with usage rising to 73.6 per cent from 72.4 per cent in 2022. Social media adoption also increased marginally to 70.6 per cent from 70.2 per cent in 2022, while cloud computing saw an uptake of 59.8 per cent, compared to 58.5 per cent in the previous year.

Website usage rose to 56.2 per cent compared to 54.7 per cent in 2022, while the adoption of management software increased to 51.4 per cent from 50.7 per cent in 2022.

Figure 9: Usage of Digital Technology, 2022 and 2023




8. E-COMMERCE INCOME

8.1 E-COMMERCE INCOME BY SECTOR

E-commerce transaction income continues to demonstrate positive growth, rising to RM1,184.1 billion in 2023 compared to RM1,126.9 billion in 2022, reflecting a year-on-year (YoY) growth of 5.1 per cent. The Manufacturing sector recorded RM587.3 billion, marking growth of 4.6 per cent compared to 2022. This was followed by the Services sector, which recorded increased to RM583.0 billion in 2023 from RM552.7 billion in 2022, representing growth of 5.5 per cent as illustrated in **Figure 10**.

Figure 10: E-Commerce Income, 2022 and 2023




Note.

YoY - Percentage change year-on-year

8.2 E-COMMERCE INCOME BY TYPE OF MARKET

E-commerce transaction income in Malaysia was mainly driven by the domestic market, which recorded a value of RM1,053.0 billion in 2023, up from RM1,003.5 billion in 2022, reflecting a positive growth of 4.9 per cent. International market contributions showed stronger expansion, rising to RM131.1 billion from RM123.4 billion in 2022, reflecting growth of 6.3 per cent. Within the domestic market, Manufacturing sector remained the dominant contributor with RM543.3 billion, achieving 4.4 per cent growth. Meanwhile, international market was led by Services sector, which generated RM84.9 billion, with a 5.4 per cent growth compared to 2022, as presented in **Figure 11**.

Figure 11: E-Commerce Income by Type of Market, 2022 and 2023



Note.

(%) - Percentage share


YoY - Percentage change year-on-year

8.3 E-COMMERCE INCOME BY TYPE OF CUSTOMER

Total e-commerce income by customer type showed that the Business to Business (B2B) category remained the primary contributor with RM817.1 billion, reflecting a 3.9 per cent growth. Meanwhile, Business to Consumer (B2C) recorded an income amounting to RM336.6 billion achieving a 7.7 per cent growth compared to the previous year. For the Business to Government (B2G) category, income increased to RM30.4 billion with a growth of 9.3 per cent compared to 2022.

As Manufacturing sector remained the highest contributor for B2B with income of RM540.7 billion, recording a positive growth of 2.7 per cent compared in 2022. Meanwhile, Services sector dominated both B2C and B2G transactions in 2023, recording RM297.1 billion with a 4.7 per cent growth and RM22.7 billion with a 6.4 per cent growth, respectively, as shown in Figure 12.

Figure 12: E-Commerce Income by Type of Customer, 2022 and 2023



Note. “-” refers to data not available


YoY - Percentage change year-on-year

9. EXPENDITURE FROM E-COMMERCE

9.1 E-COMMERCE EXPENDITURE BY SECTOR

In 2023, expenditure from e-commerce transaction in Malaysia increased to RM571.4 billion, compared to RM531.6 billion in 2022, representing a year-on-year percentage change of 7.5 per cent. Manufacturing sector recorded the highest e-commerce expenditure, amounting to RM371.8 billion in 2023 compared to RM347.6 billion in 2022, reflecting a growth of 7.0 per cent. This was followed by the Services sector, which recorded an expenditure of RM194.1 billion, an increase from RM179.2 billion in the previous year, with growth of 8.4 per cent, as shown in **Figure 13**.

Figure 13: Expenditure from E-Commerce , 2022 and 2023



Note.


(%) - Percentage share

YoY - Percentage change year-on-year

9.2 E-COMMERCE EXPENDITURE BY TYPE OF MARKET

E-commerce expenditure in Malaysia was predominantly driven by the domestic market, which recorded a total of RM530.6 billion in 2023 compared to RM492.2 billion in the previous year, reflecting growth of 7.4 per cent. Meanwhile, the international market contributed RM40.8 billion, marking an increase from RM37.5 billion in 2022 with growth of 8.9 per cent. Within the domestic market, Manufacturing sector emerged as the main contributor with an expenditure of RM347.9 billion, representing a growth of 6.6 per cent from RM326.5 billion in 2022. As the international market, Manufacturing sector remained the primary contributor, recording an expenditure of RM23.9 billion compared to RM21.1 billion in 2022, reflecting a growth of 13.1 per cent, as shown in **Figure 14**.

Figure 14: E-Commerce Expenditure by Type of Market, 2022 and 2023




Note. (%) - Percentage share

YoY - Percentage change year-on-year

9.3 E-COMMERCE EXPENDITURE BY TYPE OF CUSTOMER

In 2023, e-commerce expenditure by type of customer showed that the B2B category remained the primary contributor, recording RM443.4 billion with growth of 2.6 per cent. The B2C category recorded RM112.6 billion with growth of 28.1 per cent, while the B2G category contributed RM15.4 billion with growth of 33.6 per cent. Within the B2B category, Manufacturing sector continued to be the main contributor to e-commerce expenditure, with a total of RM303.9 billion, reflecting growth of 2.3 per cent. For the B2C category, Manufacturing sector also recorded the highest value of RM60.5 billion, with growth of 33.7 per cent. Meanwhile, in the B2G category, Services sector dominated with RM7.7 billion, registering growth of 27.0 per cent, as illustrated in **Figure 15**.

Figure 15: E-Commerce Expenditure by Type of Customer, 2022 and 2023



Note. YoY - Percentage change year-on-year

3



JADUAL STATISTIK

Statistical Tables



PENGUNAAN ICT
DAN E-DAGANG
PERTUBUHAN 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

4

NOTA TEKNIKAL

Technical Notes

PENGUNAAN ICT
DAN E-DAGANG
PERTUBUHAN 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank